

03 AUG 1997

Mahathir-Soros

DR MAHATHIR SEDIA TIMBANG JUMPA SOROS

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bersedia menimbang untuk menemui pembiaya kewangan Amerika Syarikat George Soros yang telah beliau kenalpasti sebagai "penyangak spekulator" yang memanipulasikan mata wang negara-negara anggota Asean.

Dalam satu temubual dengan New Straits Times di New York dan disiarkan hari ini, Soros meminta untuk menemui Dr Mahathir dan menafikan yang syarikatnya telah membuat serangan spekulatif terhadap beberapa mata wang Asean termasuk Ringgit Malaysia.

"Tentunya saya akan menimbang untuk menemuinya," kata Dr Mahathir apabila ditanya mengenai laporan akhbar itu selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Nawaz berlepas pulang selama lawatan empat hari ke Malaysia.

"Kita akan ketahui apa yang dia cuba ingin jelaskan," katanya.

Dr Mahathir pada Selasa lepas berkata kerajaan mempunyai bukti jelas bahawa tekanan terhadap ringgit dan mata wang Asean lain berpunca daripada Soros.

Dalam laporan itu, Soros, anak kelahiran Hungary, berkata beliau ingin menemui Dr Mahathir kemungkinannya pada November semasa beliau (Soros) berucap pada mesyuarat agung tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Hong Kong.

"Saya amat berharap dapat menemui Dr Mahathir dalam satu perbincangan pada satu forum umum, di mana kita boleh membincangkan mengenai perbezaan-perbezaan dan Dr Mahathir boleh mengemukakan sebarang bukti mengenai aktiviti jahat saya," Soros dilaporkan sebagai berkata.

Tetapi walaupun terdapat perbezaan antara mereka, Soros, 67, menegaskan yang beliau tidak berhasrat untuk bertelagah dengan Dr Mahathir.

Semasa seorang wartawan memberitahu Dr Mahathir yang Soros juga berkata tidak ada perbezaan antara nilai-nilai Asia dan universal, Perdana Menteri berkata:

"Jadi nilai-nilai Asia adalah nilai-nilai sedunia? ... Saya sukacita yang dia menerimanya sedemikian." -- BERNAMA

AZZ AHH